

10/07/1997

Rashid susuri titian bahaya

Norbakti Alias

MALAM pertama jelas tidak seindah yang diharapkan oleh Rashid Sidek serta pasangan bidan terjun, Cheah Soon Kit-Chew Choon Eng, dalam Kejohanan Badminton Terbuka Malaysia, malam tadi.

Rashid bangkit ketika kekalahan semakin hampir, untuk menundukkan Kim Hyung Joon 1-15, 15-9, 15-10 dalam pusingan kedua manakala Soon Kit-Choon Eng diajak bermain tiga set sebelum menyingkirkan pasangan China, Ji Xiopeng-Ziu Feng, 11-15, 15-4, 15-11 dalam pusingan pertama.

Namun, ia cukup berbeza buat pilihan utama dan kedua perseorangan lelaki, Joko Suprianto dan Ong Ewe Hock yang mudah mara ke pusingan ketiga, masing-masing mengalahkan Malek Zainal 15-3, 15-3 dan Mahathir Mustaffa 15-5, 15-9.

Pengalaman jelas menjadi penyelamat Rashid. Gara-gara rehat empat bulan, permainannya cukup berkarat.

Rashid yang mengheret perlawanan ke rubber game, seakan sudah ditunjukkan pintu keluar apabila lawannya dari Korea Selatan itu mendahului 9-6.

Ketika banyak membuang mata dengan pukulan kilas dan jaring yang tidak menjadi atau hantaran yang terkeluar, tuah masih ada buatnya apabila lawannya menampakkan tanda kurang selesa dengan lututnya.

Ini memberi kesempatan kepada Rashid untuk bangkit mengikat kedudukan 10-10 sebelum mengutip lima mata terakhir tanpa banyak rintangan tetapi menantinya dalam pusingan ketiga petang ini ialah pilihan ke-9/16, Salim dari Indonesia.

Rashid, pilihan bersama ke-3/4, turut mengakui sentuhannya kurang kemas, khususnya ketika lawannya itu bermain laju dan ini dikaitkan dengan tempoh yang begitu lama berehat sejak Terbuka Switzerland, Mac lalu.

"Saya tidak boleh mengulangi kesilapan yang sama jika bertemu Salim. Saya mesti lebih bersedia, khususnya dengan smash kencang," kata Rashid yang turut bertungkus-lumus dalam pusingan pertama sebelum menewaskan Fumuhiko Machida 15-10, 15-6.

Salim yang menonton pertemuan Rashid-Hyung Joon itu, awal-awal lagi sudah menghidu peluangnya selepas melihat permainan lawannya yang dianggapnya sudah perlahan.

"Jika permainannya begitu, peluang saya agak cerah," kata Salim, pilihan ke-9/16 yang tewas straight set dalam pertemuan pertama dengan Rashid di Terbuka Brunei pada 1993.

Berbeza dengan Rashid yang terpaksa bertungkus-lumus, Salim mudah mara ke pusingan ketiga selepas menyingkirkan Ariffin Azizan 15-1, 15-6.

Soon Kit pula yang pertama kali digandingkan dengan Choon Eng, nampak kurang selesa pada peringkat awal, lebih-lebih lagi ketika rakannya itu kerap menjadi mangsa asakan Jioxeng-Feng.

Namun, mereka bangkit dalam set kedua selepas Choon Eng pantas menyesuaikan diri dan mula memaksa lawan bertahan dengan smash bertalutali daripadanya dan Soon Kit.

(END)